

15/08/2002

Penerangan ke akar umbi tangani dakwah pembangkang

KUALA LUMPUR, Rabu - Umno mengambil pendekatan baru bagi menerangkan pengertian sebenar Islam kepada rakyat bagi menangani dakwah pembangkang yang menyebabkan perpecahan umat Islam di negara ini, kata Penasihat Agama Kepada Perdana Menteri, Tan Sri Dr Abdul Hamid Othman.

Beliau yang juga ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno berkata, pendekatan itu termasuk program penerangan secara terus ke akar umbi bagi memecah penguasaan pembangkang terhadap institusi agama seperti masjid dan surau.

Katanya, keadaan salah faham itu agak serius kerana ramai di kalangan mereka yang pergi ke masjid secara tiba-tiba menjadi penentang kerajaan selepas terdedah kepada dakwah pembangkang yang mendakwa mereka saja yang memperjuangkan Islam sedangkan kerajaan tidak.

"Masalah ini berlaku di semua negara Islam, iaitu pembangkang menguasai institusi agama.

"Kita di sini pun ambil mudah mengenai masjid dan surau sehingga akhirnya kita sedar tempat ini dijadikan tempat menggagak kerajaan.

"Kita mahu memberi kefahaman Islam Hadari (Islam Tamadun) bukan hanya Islam Akidah, dengan kefahaman ini barulah apa yang dibuat Umno akan dihargai rakyat," katanya kepada pemberita selepas Majlis Diskusi Informal Mengenai Islam Bersama Peserta Luar Negara Dialog Mahathir di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Dialog tidak formal itu adalah antara atur cara Dialog Mahathir anjuran Institut Pengembangan Ilmu (InKa), Universiti Teknologi Mara (UiTM). Ia disertai 15 tokoh Islam dari Amerika Syarikat, Kanada dan Eropah.

Abdul Hamid berkata, pemimpin dan ahli Umno juga akan diberi kefahaman mendalam mengenai Islam bagi menyanggah dakwah Pas berhubung perkara berkaitan pemerintahan dan pembangunan negara.

Katanya, sebelum ini kalangan ahli Umno sendiri takut untuk menyanggah pemimpin Pas yang mendakwa apa yang dilaksanakan kerajaan adalah sekular dan tidak menepati tuntutan Islam.

"Maka menerusi pendekatan baru ini, Umno kena kata bahawa projek pembangunan adalah kehendak al-Quran dan hadis. Nabi kata bagi anjing seekor minum air, masuk syurga, jadi kita bina Empangan Pergau untuk orang Kelantan minum air, tak masuk syurgakah," katanya.

Selain itu, katanya, Umno juga akan menumpukan kepada penerangan mudah mengenai perkara yang berkaitan dengan rakyat kebanyakan di luar bandar, bukan perkara besar seperti pengurusan ekonomi negara dan perdagangan antarabangsa.

Katanya, pengalaman pilihan raya kecil di Anak Bukit dan Pendang tidak lama dulu menunjukkan pengundi lebih berminat soal berkaitan agama daripada soal ekonomi dan pembangunan negara yang dilaksanakan kerajaan seperti yang dituntut Islam.

"Politik kita masih politik kekampungan, orang kampung ada tradisi dia. Kita cakap projek besar, tukaran mata wang asing dan imbalan perdagangan tetapi pengundi tak peduli...Kita pergi bersyarah mengenai Kedah Maju, tak ada siapa peduli kerana kawan itu (pembangkang) bercakap bab syurga," katanya.

Abdul Hamid berkata, Kementerian Penerangan juga sudah menggerakkan semula Jabatan Hal Ehwal Khas bagi melaksanakan Program Takarub untuk mendekati rakyat di akar umbi dan memberi penerangan secara langsung mengenai pelbagai perkara semasa.

Katanya, program itu membabitkan ceramah berkumpul di rumah kalangan

rakyat di setiap kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN).

Mengenai rumusan diskusi tidak formal itu, Abdul Hamid peserta terbabit menyokong usaha kerajaan dan Umno memberi penjelasan mengenai ajaran dan pemerintahan sebenar Islam.

Beliau berkata, mereka juga kagum dengan pencapaian dan kedudukan wanita Islam di Malaysia yang jelas tidak menghadapi masalah seperti di kebanyakan negara Islam lain.

"Mereka simpati dan kata mereka boleh bantu mengenai kefahaman Islam," katanya sambil menambah Umno akan mengambil pandangan peserta terbabit dalam meneruskan perjuangan parti.

Terdahulu, dalam ucapannya, Abdul Hamid berkata perpecahan umat Islam di Malaysia sudah berlaku sebelum negara mencapai kemerdekaan lagi apabila jawatan kuasa ulama dalam Umno bertindak keluar menubuhkan Pas.

Katanya, penubuhan Pas ini dibiarkan kerajaan British yang melihat parti itu sebagai 'bom jangka' yang akan memecah-belahkan umat Islam di negara ini.

"Dan bom jangka ini sudah mula meletup dan kini Umno merasakan akibatnya," katanya.